

# Liong Sik belum bercadang lepas jawatan Presiden MCA

KAMPAR 11 Jan. — Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik belum bercadang untuk melepaskan jawatannya sebagai Presiden MCA dalam tempoh terdekat ini.

Menurut Liong Sik, masih banyak perkara yang perlu dilaksanakan termasuk menyelesaikan masalah peralihan kepimpinan.

“Saya tidak boleh meninggalkan parti di dalam keadaan masih banyak perkara yang tidak selesai,” katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas melawat persiapan akhir majlis meletak batu asas Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, esok.

Pada 15 Ogos tahun lalu, Liong Sik telah menyerahkan surat peletakan jawatan tidak bertarikh sebagai Menteri Pengangkutan kepada Dr. Mahathir.

Liong Sik berkata, beliau sedang berusaha melaksanakan pelbagai perkara termasuk menyelesaikan masalah peralihan kepimpinan sebelum 1 Januari 2005.

“Jika masalah itu dapat diselesaikan sebelum 1 Januari 2005 saya bersedia melepaskan jawatan ini.

“Buat masa ini saya belum boleh melepas jawatan di dalam parti kerana perlu memberi keutamaan menunaikan tanggungjawab sebagai pemimpin yang dipilih oleh ahli parti,” katanya.

Liong Sik bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Dr. Mahathir, hari ini, bahawa beliau belum membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak peletakan jawatan Liong Sik.